



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SIKAP PELAJAR TERHADAP PENGLIBATAN GERAK KERJA
KOKURIKULUM DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
DAERAH SERIAN, KUCHING, SARAWAK.**

NEO HUI KIAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SAINS SUKAN**

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya jelaskan sumberunya

16.04.2007



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

NEO HUI KIAM
M20061000069



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Julismah Binti Jani, selaku penyelia kertas projek QSS 6006 yang telah banyak membimbing dan memberi nasihat serta tunjuk ajar yang membina dalam membantu menyiapkan kertas penulisan projek ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pensyarah yang terlibat dalam Program Eksekutif Master Sains Sukan sesi 2005/2006 di Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris di atas tunjuk ajar, bimbingan, dan ilmu pengetahuan yang dicurahkan kepada saya sepanjang perjalanan program tersebut.

Sekalung terima kasih kepada pengetua-pengetua sekolah menengah kebangsaan di Daerah Serian, Bahagian Samarahan, Kuching, Sarawak yang telah memberi kerjasama dan sumbangan secara langsung kepada penyelidikan ini.

Kepada rakan-rakan sepengajian terutama saudara-saudari Siti Noraya, Lee Suo Boi, Ahmadi Amnan, Abu Bakar Tasah, Florina Sigay, dan semua rakan-rakan program Eksekutif Master Sains Sukan sesi 2005/2006 yang telah memberi sumbangan dan idea. Tanpa kerjasama dan dorongan semua, kajian ini mungkin tidak dapat dijalankan dengan jayanya.

Akhir sekali, sekalung terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada isteri tersayang Siow Kah Leng kerana berkorban dan memberi sokongan sepanjang pengajian ini serta merestui dan memahami impian serta cita-cita saya untuk meneruskan pengajian ke tahap yang lebih tinggi. Sesungguhnya sumbangan yang diberikan amat berharga dan dihargai.

**Neo Hui Kiam
Universiti Pendidikan Sultan Idris
April 2007**





ABSTRAK

Sikap Pelajar Terhadap Penglibatan Gerak Kerja Kokurikulum Di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Serian, Kuching , Sarawak.

Oleh

NEO HUI KIAM

Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor sikap pelajar yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam gerak kerja kokuriulum di sekolah. Responden bagi kajian ini adalah seramai 360 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tingkatan 4 di 6 buah sekolah menengah di Daerah Serian, Gabungan Samarahan, Sarawak.

Data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS (11.5) untuk memperolehi min,sisihan piawai dan pekali Kolerasi Pearson. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa faktor-faktor sikap pelajar memang mempunyai hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi penglibatan mereka dalam gerak kerja kokurikulum ($r = .672, n=360, p=0.000, p < 0.01$). Hasil kajian menunjukkan faktor guru penasihat dikenalpasti tinggi mempengaruhi penglibatan pelajar dalam gerak kerja kokurikulum. Kesimpulannya ialah semua faktor sikap pelajar yang dikemukakan dalam kajian ini mempunyai pengaruh sama ada tinggi atau rendah ke atas penglibatan dalam kokurikulum.



ABSTRACT

THE INFLUENCE OF STUDENT'S ATTITUDE ON THEIR PARTICIPATION IN CO CURRICULUM ACTIVITIES IN SECONDARY SCHOOL OF SERIAN DISTRICT,SAMARAHAN DIVISION, SARAWAK.

By

NEO HUI KIAM

The purpose of this study is to identify the influence of student attitude in participating co curriculum activities. Respondents for this study were 360 students from form 4 in six secondary government school ini Serian District, Division of Samarahan, Kuching ,Sarawak.

The research data is analysed by using the SPSS (11.5) software to determine the mean,standard deviation and Pearson Correlation. The results of the research indicated that the student attitude has a significant relationship on the participating co curriculum activities ($r = .672, n=360, p=0.000, p< 0.01$). The findings show that among student's attitude factor , the teacher was the most significant factor in the influence of their participation in co curriculum activities. As a conclusion, the student attitude factors show a different stage of influence on their participation in co curriculum activities.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	10
1.3 Kerangka Konseptual	11
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Limitasi Kajian	15
1.8 Definisi Operasional	16
1.8.1 Kokurikulum	16
1.8.2 Pelajar	18
1.8.3 Faktor-faktor Sikap	18
1.8.4 Penglibatan	18



BAB 2**TINJAUAN LITERATUR**

Pendahuluan	2.1
Kajian-kajian Lepas Dalam Negara	20
2.2 Kajian-kajian Lepas Luar Negara	23

BAB 3**METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Rekabentuk Kajian	27
3.2 Polulasi Dan Persampelan	28
3.3 Instrumen Kajian	31
3.4 Prosedur Pengumpulan Data	33
3.5 Prosedur Penganalisaan Data	34

BAB 4**DAPATAN KAJIAN**

4.1 Demografik Responden	36
4.1.1 Etnik	36
4.2 Analisis Kajian	37
4.2.1 Perbandingan Sikap Pelajar dengan Penglibatan	37
4.2.2 Perbandingan Tahap Penglibatan Mengikut Jantina	37
4.2.3 Perbandingan Tahap Penglibatan Mengikut Etnik	38



4.2.4 Perbandingan Faktor Sikap Dengan Penglibatan Pelajar	40
4.2.4.1 Perkaitan Faktor Kognitif Dengan Penglibatan Pelajar	40
4.2.4.2 Perkaitan Faktor Afektif Dengan Penglibatan Pelajar	41
4.2.4.3 Perkaitan Faktor Tingkahlaku Dengan Penglibatan Pelajar	41
4.2.4.4 Perkaitan Faktor Rakan Sebaya Dengan Penglibatan Pelajar	42
4.2.4.5 Perkaitan Faktor Guru Penasihat Dengan Penglibatan Pelajar	42
4.2.4.6 Perkaitan Faktor Motivasi Dengan Penglibatan Pelajar	43
4.2.4.7 Perkaitan Faktor Pengalaman Lampau Dengan Penglibatan Pelajar	43

BAB 5**PERBINCANGAN ,RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1 Pendahuluan	46
-----------------	----



5.2.1 Perbincangan Persoalan Pertama	46
--------------------------------------	----

5.2.2 Perbincangan Persoalan Kedua	47
------------------------------------	----

5.2.3 Perbincangan Persoalan Ketiga	47
-------------------------------------	----

5.2.4 Perbincangan Persoalan Keempat	48
--------------------------------------	----

5.2.5 Perbincangan Persoalan Kelima	48
-------------------------------------	----

5.2.6 Perbincangan Persoalan Keenam	48
-------------------------------------	----

5.2.7 Perbincangan Persoalan Ketujuh	49
--------------------------------------	----

5.2.8 Perbincangan Persoalan Kelapan	49
--------------------------------------	----

5.2.9 Perbincangan Persoalan Kesembilan	50
---	----





5.2.10 Perbincangan Persoalan Kesepuluh 50

5.3 Rumusan 50

5.4 Cadangan Penyelidikan Lanjutan 51

RUJUKAN 53

LAMPIRAN

A SALINAN SURAT KEBENARAN MEMBUAT PENYELIDIKAN

B BORANG SOAL SELIDIK





SENARAI JADUAL

Jadual		muka surat
1.1	Peruntukan Masa Mingguan Sekolah Menengah Malaysia	5
3.1	Pemilihan Sampel Kajian Dari Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Serian, Bahagian Samarahan, Sarawak .	31
3.2	Interpretasi Nilai Korelasi Pearson	35
4.1	Perkaitan Faktor Sikap Pelajar Dengan Penglibatan Pelajar Dalam Kokurikulum	37
4.2	Perkaitan Tahap Penglibatan Dalam Kokurikulum Berdasarkan Jantina	37
4.3	Perbandingan Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Kokurikulum Mengikut Etnik	38
4.4	Perbandingan Anova Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Kokurikulum Antara Bangsa	39
4.5	Analisis Post Hoc Pelbagai Perbandingan Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Kokurikulum Berdasarkan Bangsa	39
4.6	Perkaitan Faktor Kognitif Dengan Penglibatan Pelajar	41
4.7	Perkaitan Faktor Afektif Dengan Penglibatan Pelajar	41
4.8	Perkaitan Faktor Tingkahlaku Dengan Penglibatan Pelajar	41
4.9	Perkaitan Faktor Rakan Sebaya Dengan Penglibatan Pelajar	42

x





4.10	Perkaitan Faktor Guru Penasihat Dengan Penglibatan Pelajar	42
4.11	Perkaitan Faktor Motivasi Dengan Penglibatan Pelajar	43
4.12	Perkaitan Faktor Pengalaman Lampau Dengan Penglibatan Pelajar	43
4.13	Hubungan Tahap Penglibatan Dalam Kokurikulum Antara Faktor Sikap Pelajar	44





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah

muka surat

1.1

Kerangka konseptual

12

4.1

Taburan Responden Mengikut Etnik

36



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Aktiviti Kokurikulum merupakan suatu kegiatan yang banyak mendatangkan faedah kepada individu dan masyarakat dari segi jasmani, rohani dan intelektual seseorang.

Tidak dapat dinafikan, kegiatan kokurikulum termasuk sukan atau bersukan dapat membantu menjadikan seseorang pelajar itu insan yang sihat dari segi mental dan fizikal. Ianya selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersetuju untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupaaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangaan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara.





Dalam arus pembangunan negara yang pesat, industri sukan telah memperlihatkan perkembangan yang menggalakkan. Pertumbuhan yang ketara ini amat berkaitan dengan keadaan masyarakat dan sosio-ekonomi negara. Dengan erti kata lain, taraf hidup yang lebih tinggi di kalangan masyarakat sekarang berpunca dari peningkatan ekonomi yang tinggi telah memberi galakan kepada industri sukan. Sesungguhnya pemilihan negara sebagai tuan rumah Sukan Komanwel pada tahun 1998 buat pertama kalinya di Malaysia telah mengubah pandangan umum terhadap sukan dan secara tidak langsung telah mengubah kedudukan sukan negara ke tahap yang lebih tinggi dan penting. Sama ada sedar atau tidak Sukan Komanwel 1998 telah berjaya mengubah pandangan umum dan juga kerajaan Malaysia khasnya akan kepentingan sukan. Sukan penting untuk badan yang sihat dan otak yang cergas. Dan untuk mendapat badan yang sihat seseorang itu mestilah rajin melibatkan diri dalam sukan tidak kira sukan berat mahupun ringan. Dengan bersukan kita bukan sahaja akan berasa sihat dan segar, tetapi juga terhindar daripada penyakit merbahaya seperti jantung dan barah.

Kini dalam dunia teknologi maklumat yang serba moden, sistem pendidikan di Malaysia masih melihat kepada pencapaian prestasi akademik berbanding kecemerlangan dalam bidang sukan. Seseorang pelajar, bermula dari peringkat sekolah rendah hingga ke sekolah menengah perlu melalui beberapa peringkat penilaian atau peperiksaan sebelum melangkah dengan lebih jauh lagi. Antara peperiksaan yang mesti mereka lalui ialah Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), peperiksaan Sijil Pelajaran





Malaysia, peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Sekiranya seseorang pelajar itu berjaya lulus semua peperiksaan berkenaan dan prestasi dalam aktiviti kokurikulum adalah cemerlang, maka peluang untuk melangkah kaki ke universiti amat cerah . Ini adalah kerana prestasi seseorang pemohon atau pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA adalah diambilkira iaitu 10 peratus daripada jumlah markah keseluruhan kemasukan IPTA .

Walau bagaimanapun ada golongan pelajar masih mementingkan aspek akademik dan mempercayai bahawa dengan adanya keputusan peperiksaan yang cemerlang , maka peluang untuk meneruskan pelajaran ke peringkat lebih tinggi tanpa menunjukkan prestasi yang baik dalam apek kokurikulum. Suasana pembelajaran yang negatif ini menyebabkan suasana penerokaan ilmu sentiasa tertekan, suasana sekolah agak terasing dari realiti masyarakat dan perkembangan menyeluruh pelajar-pelajar dari segi watak dan sahsiah tidak berlaku secara memuaskan. Keadaan ini amat membimbangkan kita kerana pelajar-pelajar pelbagai bangsa merupakan golongan yang bertanggungjawab berdasarkan tahap pendidikan yang ada pada mereka untuk memimpin seterusnya membangunkan negara suatu hari nanti. Proses membangunkan negara memerlukan tenaga-tenaga penggerak yang pelbagai kaum, produktif lagi kreatif. Selagi pelajar-pelajar kita mengamalkan ‘budaya buku’ atau ‘budaya bilik kuliah’ mereka tanpa menyemai dan menyuburkan minat serta bakat melalui kegiatan sukan, selagi itulah negara akan kekurangan tenaga penggerak yang produktif bagi membantu membangunkan negara. Oleh itu kelompok pelajar





seharusnya mempersiapkan diri dalam bidang sukan akan memperlengkapan diri dalam menghadapi dunia yang kian mencabar.

Persepsi masyarakat dan ibubapa pelajar yang sering memandang serong terhadap penglibatan dalam sukan serta gemar memperkotak-katikkan impaknya terhadap prestasi akademik anak mereka apabila menyertai aktiviti kurikulum di sekolah atau di luar sekolah. Sedangkan para pelajar sering mengalami tekanan emosi dan krisis identiti kendiri sewaktu dalam pembelajaran yang mana ia boleh menyebabkan seseorang pelajar itu kurang keyakinan terhadap diri sendiri. Justeru itu, peranan sukan amat diperlukan kerana dengan bersukan individu dapat membina keyakinan diri melalui penguasaan diri terhadap kemahiran serta menempuh semua cabaran dari aktiviti yang dijalankan.



Seterusnya, ia mampu menjadikan pelajar berkenaan tenang dan dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajarannya dengan baik dan sempurna. Ini bermaksud, aktiviti sukan boleh mengurangkan ketegangan emosi dan juga ketegangan otot-otot dalam badan, memperbaiki masa reaksi serta sekaligus dapat melambatkan proses penuaan.

Kegiatan kurikulum di sekolah kerajaan dan bantuan kerjaan akan mengandungi yang berikut :

- (a) penyertaan dalam sukan dan permainan;
- (b) penyertaan dalam persatuan dan kelab;
- (c) penyertaan dalam badan beruniform;





- (d) penyertaan dalam kegiatan-kegiatan lain sebagamana ditentukan oleh menteri.

Matlamat gerak kerja kokurikulum yang dikehendaki ialah penyertaan oleh setiap pelajar yang belajar di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan .Setiap pelajar hendaklah mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam salah satu gerak kerja pakaian seragam ,satu kegiatan persatuan atau kelab, dan satu kegiatan sukan atau permainan.

Peruntukan masa bagi pelajar sekolah menengah adalah seperti Jadual 1.1 di bawah :

Jadual 1.1

Peruntukan Masa Mingguan Sekolah Menengah Malaysia



Peralihan ,1, 2, 3, dan 6		180 minit seminggu
	Sastera	180 minit seminggu
	SRT	180 minit seminggu
	Perdagangan	180 minit seminggu
4 dan 5	Sains	140 minit seminggu
	Pertanian	140 minit seminggu
	Teknik	100 minit seminggu





Jenis aktiviti Kokurikulum yang disarankan oleh pihak Kementerian Pelajaran

Malaysia adalah seperti berikut :

A Pasukan Pakaian Seragam

- i. Kelab Judo
- ii. Kelab Karate
- iii. Kelab Taekwondo
- iv. Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (Darat, Laut dan Udara)
- v. Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat
- vi. Pasukan Kadet Majlis Keselamatan Jalanraya
- vii. Pasukan Kadet Pertahanan Awam (JPA 3)
- viii. Pasukan Kadet Polis
- ix. **Pasukan Kadet Remaja Sekolah**
- x. Pasukan Pancaragam / Okestera Sekolah
- xi. Pergerakan Briged Putera
- xii. Pergerakan Pandu Puteri
- xiii. Pergerakan Pengakap
- xiv. Pergerakan Puteri Islam
- xv. Persatuan Bulan Sabit Merah
- xvi. Persatuan Silat Seni
- xvii. Persatuan Silambam
- xviii. Persatuan St John Ambulans Malaysia
- xix. Persatuan Wushu dan lain-lain.



**B Kelab Hobi dan Rekreasi**

- i. Kelab Alat Pandang Dengar/Multi Media
- ii. Kelab Astronomi
- iii. Kelab Bina Badan
- iv. Kelab Binaan / Bangunan
- v. Kelab Elektronik
- vi. Kelab Equestrian
- vii. Kelab Kebajikan
- viii. Kelab Keceriaan Sekolah
- ix. Kelab Kembara
- x. Kelab Koir Sekolah
- xi. Kelab Komputer
- xii. Kelab Koperasi
- xiii. Kelab Memancing
- xiv. Kelab Menaip
- xv. Kelab Motor Mekanik
- xvi. Kelab Muzik dan Seni Suara
- xvii. Kelab Pelancongan
- xviii. Kelab Pembimbing Rakan Sebaya
- xix. Kelab Pencinta Alam
- xx. Kelab Pengguna
- xxi. Kelab Permainan Tradisional





- xxii. Kelab Perpustakaan / Pusat Sumber
- xxiii. Kelab Rekreasi
- xxiv. Kelab Seni Foto
- xxv. Kelab Seni Tampak/Halus
- xxvi. Kelab Seni Tari / Kebudayaan
- xxvii. Kelab Wayang Gambar
- xxviii. Kelab Rukun Negara dan lain-lain

C Kelab Sukan Dan Permainan

- i. Kelab Badminton
- ii. Kelab Bola Baling
- iii. Kelab Bola Jaring
- iv. Kelab Bola Keranjang
- v. Kelab Bola Sepak
- vi. Kelab Bola Tampar
- vii. Kelab Bowling
- viii. Kelab Bowling Padang
- ix. Kelab Catur
- x. Kelab Dart
- xi. Kelab Gasing Pangkah
- xii. Kelab Gimnastik
- xiii. Kelab Gimrama





- xiv. Kelab Golf
- xv. Kelab Hoki
- xvi. Kelab Karum
- xvii. Kelab Kriket
- xviii. Kelab Pandu Arah
- xix. Kelab Ping Pong
- xx. Kelab Ragbi
- xxi. Kelab Sepak Takraw
- xxii. Kelab Sofbol
- xxiii. Kelab Squasy
- xxiv. Kelab Tenis dan lain-lain
- xxv. Kelab Berbasikal
- xxvi. Kelab Olahraga
- xxvii. Kelab Memanah
- xxviii. Kelab merentas Desa
- xxix. Kelab Motor
- xxx. Kelab Senamrobik
- xxxi. Kelab Berkeno/ Kayak
- xxxii. Kelab Luncur Air
- xxxiii. Kelab Perahu Layar
- xxxiv. Kelab Perahu Naga
- xxxv. Kelab Polo Air





xxxvi. Kelab Renang

xxxvii. Kelab Rowing (Berdayung)

xxxviii. Kelab Skuba

xxxix. Kelab Skuter Air

xl. Kelab snorkeling

xli. Kelab Terjun dan lain-lain.

Pengkaji bercadang untuk menggunakan model Wear's Physical Education Attitudes Inventory (Borang A) oleh Wear (1955) yang diubahsuai untuk mengenalpasti apakah sikap pelajar dan faktor-faktor mempengaruhi sikap pelajar sekolah menengah dalam penglibatan gerak kerja kokurikulum.



1.2 Penyataan Masalah

Dalam dunia globalisasi yang semakin mencabar seseorang itu perlu memperlengkapkan diri dari segi ketahanan diri. Ini meliputi penglibatan dalam bidang sukan. Universiti hanya dipandang sebagai suatu tempat mengeluarkan ijazah sahaja dimana mahasiswa hanya mengikuti kuliah dan menduduki peperiksaan akhir . Pelajar lebih cenderung untuk belajar setakat ingin lulus sahaja. Keadaan ini telah menyebabkan ramai di antara pelajar tidak melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sukan yang dianjurkan oleh pihak sekolah atau Kementerian Pendidikan.

Aktiviti-aktiviti sukan telah dianggap sebagai satu bidang ‘main’ sahaja dan tidak lagi sebagai sebahagian daripada pendidikan secara keseluruhan. Dan kebanyakan pelajar sekolah menengah mempunyai sikap yang negatif terhadap




sistem pendidikan di negara ini dan berpendapat bahawa kejayaan dalam akademik akan menjamin segala-galanya apabila melangkah ke alam pekerjaan. Mereka lebih cenderung untuk belajar mendapatkan keputusan yang cemerlang dan sering mengejar jumlah skor A yang banyak.

Selain daripada itu ,faktor pemilihan pelajar dalam bidang pekerjaan masa depan yang lebih mengutamakan prestasi dan kebolehan mereka dalam bidang kerja tersebut, juga sedikit sebanyak telah memberi kesan yang negatif terhadap penglibatan pelajar sekolah dalam aktiviti sukan di sekolah. Kebanyakan sektor pekerjaan sekarang mementingkan produktiviti dan keuntungan lebih daripada aspek lain seperti bidang sukan, rekreasi dan juga kebajikan pekerjanya. Justeru itu, suatu kajian tentang penglibatan pelajar terhadap gerak kerja kokurikulum di sekolah menengah kebangsaan Daerah Serian , Samarahan , Sarawak .

1.3 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual di bawah memperlihatkan aliran faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam gerak kerja kokurikulum. Faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar dibahagi kepada dua iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Kesan terhadap penglibatan pelajar dalam gerak kerja dilihat dari segi pencapaian gred individu.



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Sikap Pelajar Terhadap Gerak Kerja Kokurikulum

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah dan tinjauan pengkaji sendiri, didapati bahawa pelajar-pelajar pelbagai kaum kurang melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Jadi kajian ini adalah untuk mengenalpasti sikap pelajar terhadap gerak kerja Kokurikulum dikalangan pelajar-pelajar pelbagai kaum di sekolah-sekolah menengah Daerah Serian, Bahagian Samarahan,Sarawak.



Kajian ini, secara khususnya adalah untuk ;

- a) Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum.
- b) Mengenalpasti perbezaan di antara faktor-faktor sikap dengan penglibatan dalam kokurikulum berdasarkan jantina .
- c) Mengenalpasti perbezaan di antara faktor-faktor sikap dengan jantina dan bangsa terhadap dengan penglibatan dalam kokurikulum berdasarkan etnik.
- d) Melihat hubungan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan dalam kokurikulum.

1.5 Persoalan Kajian



Hasil daripada pernyataan masalah yang disenaraikan sebelum ini telah menimbulkan beberapa persoalan untuk merangsangkan pengkaji untuk membuat kajian mengenai faktor mempengaruhi sikap pelajar terhadap gerak kerja kokurikulum di kalangan pelajar di sekolah menengah di Daerah Serian, Bahagian Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Secara khususnya kajian ini dijalankan adalah untuk mendapat jawapan daripada persoalan-persoalan kajian berikut :

- a) Adakah faktor-faktor sikap mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum
- b) Adakah terdapat perbezaan dalam kalangan jantina terhadap faktor-faktor sikap yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam gerak kerja





kokurikulum ?

- c) Adakah terdapat perbezaan dalam kalangan bangsa terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam gerak kerja kokurikulum ?
- d) Sejauhmanakah faktor kognitif pelajar mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum ?
- e) Sejauhmanakah faktor afektif mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kokurikulum ?
- f) Sejauhmanakah faktor tingkah laku mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kokurikulum ?
- g) Sejauhmanakah faktor rakan sebaya mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kokurikulum ?
- h) Sejauhmanakah faktor guru penasihat mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kokurikulum?
- i) Sejauhmanakah faktor motivasi mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kokurikulum ?
- j) Sejauhmanakah faktor pengalaman lampau mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kokurikulum ?

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini, dapatlah memberi sedikit sebanyak gambaran mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar-pelajar sekolah menengah



dalam aktiviti kokurikulum serta gambaran tahap penglibatan mereka dalam kokurikulum.

Selain itu, dengan adanya kajian ini, diharap ia akan menjadi bahan rujukan yang berguna dan secara tidak langsung boleh digunakan oleh pihak Pejabat Pelajaran Gabungan Samarahan untuk merangka program yang berguna bertepatan dengan minat pelajar-pelajar pelbagai kaum dalam bidang kokurikulum.

Kajian ini juga penting untuk memberi maklumat tentang keberkesanan aktiviti aktiviti sukan anjuran Pejabat Pelajaran Gabungan Samarahan, dapat memberi sedikit garis panduan kepada pihak berkenaan untuk merancang dan memperbaiki aktiviti sukan yang dijalankan.

Dengan adanya hasil yang diperolehi daripada kajian ini, pihak Pejabat Pelajaran Gabungan Samarahan, Sarawak, dapat mengambil langkah yang sewajarnya untuk meningkatkan penglibatan pelajar-pelajar mereka khasnya pelajar pelbagai kaum dalam aktiviti kokurikulum. Dan seterusnya secara tidak langsung dapat diterima pakai oleh Kementerian Pendidikan untuk merangka strategi untuk memajukan sukan di kalangan pelajar sekolah menengah pelbagai bangsa dan kaum sekolah menengah .

1.7 Limitasi Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar-pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah menengah Daerah Serian, Bahagian Samarahan,Sarawak. Walaupun terdapat banyak faktor yang mungkin boleh mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, namun



dalam kajian ini, perhatian lebih tertumpu kepada tujuh faktor yang difikirkan penting iaitu faktor kognitif, afektif, tingkah laku , rakan sebaya ,guru penasihat, motivasi dan juga pengalaman lampau.

Kajian ini hanya terbatas kepada 360 orang pelajar pelbagai kaum sekolah menengah di Daerah Serian, Bahagian Samarahan, Sarawak, yang dipilih secara rawak mudah, dan penyelidik manganggap semua responden menguasai Bahasa Melayu.

Keputusan kajian ini juga tertakluk kepada kejujuran pelajar yang menjawab soal selidik. Sebarang pemberian maklumat yang tidak tepat atau palsu akan mempengaruhi keputusan kajian.



1.8. Definisi Operasional

1.8.1 Kokurikulum

Kokurikulum adalah apa-apa aktiviti yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah seperti berikut :

- i. Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat
- ii. Pasukan Kadet Polis
- iii. Pasukan Kadet Remaja Sekolah
- iv. Pergerakan Pandu Puteri
- v. Pergerakan Pengakap
- vi. Pergerakan Puteri Islam



- vii. Persatuan Bulan Sabit Merah
- viii. Persatuan Silat Seni
- ix. Persatuan St John Ambulans Malaysia
- x. Persatuan Wushu
- xi. Kelab Keceriaan Sekolah
- xii. Kelab Kembara
- xiii. Kelab Koir Sekolah
- xiv. Kelab Komputer
- xv. Kelab Koperasi
- xvi. Kelab Muzik dan Seni Suara
- xvii. Kelab Pelancongan

- xviii. Kelab Pembimbing Rakan Sebaya
- xix. Kelab Pencinta Alam
- xx. Kelab Pengguna
- xxi. Kelab Perpustakaan / Pusat Sumber
- xxii. Kelab Rekreasi
- xxiii. Kelab Seni Foto
- xxiv. Kelab Seni Tari / Kebudayaan
- xxv. Kelab Rukun Negara
- xxvi. Kelab Badminton
- xxvii. Kelab Bola Baling
- xxviii. Kelab Bola Jaring



- xxix. Kelab Bola Keranjang
- xxx. Kelab Bola Sepak
- xxxi. Kelab Bola Tampar
- xxxii. Kelab Catur
- xxxiii. Kelab Hoki
- xxxiv. Kelab Ping Pong
- xxxv. Kelab Ragbi
- xxxvi. Kelab Sepak Takraw
- xxxvii. Kelab Tenis
- xxxviii. Kelab Olahraga
- xxxix. Kelab merentas Desa



Pelajar lelaki dan perempuan yang sedang menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan Taee(SMK Taee), Sekolah Menengah Kebangsaan Tarat(SMK Tarat), Sekolah Menengah Kebangsaan Serian(SMK Serian), Sekolah Menengah Kebangsaan Tebakang(SMK Tebakang), Sekolah Menengah Kebangsaan Gedung(SMK Gedung), Sekolah Menengah Kebangsaan Balai Ringin di Daerah Serian, Bahagian Samarahan, Sarawak , Malaysia.

1.8.3 Faktor-faktor sikap pelajar

Masalah-masalah yang membataskan kekerapan penglibatan dan penggunaan kemudahan atau program aktiviti bersukan individu seperti aspek kognitif, aspek



afektif, aspek tingkahlaku, pengaruh rakan sebaya, pengaruh guru penasihat, pengaruh motivasi, pengaruh pengalaman lampau.

1.8.4 Penglibatan

Penglibatan pelajar dalam kurikulum diberi gred untuk menunjukkan prestasi mereka .Gred A adalah cemerlang, Gred B adalah baik, Gred C adalah Kepujian dan Gred D adalah memuaskan.